



Memo

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047
Tarikh : 7 September 2009

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BIL. 16 TAHUN 2009

**PELAKSANAAN PEMERIKSAAN KESIHATAN
DI KALANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang dimaklumi, Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2003 (PP 3/2003) telah menggalakkan pegawai yang berumur 40 tahun dan ke atas untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dari semasa ke semasa. Pemeriksaan kesihatan ini digalakkan bagi memastikan kesihatan pegawai sentiasa berada di tahap yang baik.


3. Baru-baru ini pihak JPA telah mengeluarkan surat edaran berkaitan pemeriksaan kesihatan memandangkan tahap kesihatan amat penting bagi diri pegawai, prestasi kerja dan mutu penyampaian perkhidmatan. Oleh itu, Pegawai diingatkan supaya mematuhi peraturan pemeriksaan kesihatan selaras dengan PP 3/2003. Pegawai yang tidak mematuhi atau enggan menjalani pemeriksaan kesihatan dan kemudiannya didapati menghadapi masalah kesihatan yang serius, adalah dikhuatiri boleh terjejas peluang untuk dinaikkan pangkat.

4. Sebagai langkah tambahan, Kerajaan memutuskan pegawai dalam **Kumpulan Tertinggi diwajibkan** menjalani pemeriksaan kesihatan **pada setiap tahun**. Usaha pencegahan ini diharapkan dapat mengekalkan tahap kesihatan yang baik di kalangan pegawai.

5. Anggota LGM yang hendak menjalani pemeriksaan boleh mendapatkan borang permohonan daripada Unit Pengurusan Sumber Manusia.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"**


(ROSNA BINTI ABD RAZAK)

s.k.: Y.Bhg Dato; Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian